

Nasir rasmi Seminar Pemurnian Aqidah 2012

UB 14-12-12 BG

KOTAKINABALU: Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Dato Sri Haji Nasir Tun Haji Sakaran telah merasmikan Seminar Pemurnian Aqidah 2012: "Ancaman dan Cabaran Terhadap Ummah".

Ia merupakan anjuran bersama Pejabat Mufti Negeri Sabah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Cawangan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Resital UMS di sini.

Hadir sama Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat, Datuk Jainab Ahmad Ayed; Sahibus Samahah, Ustaz Haji Bungsu @Aziz Hj Jaafar; Adun Sindumin, Ahmad Hj Bujang; Setiausaha Tetap KPLB, Datuk Ghulam Jelani; dan Ketua Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Mohd Nizam Abu Bakar Titingan.

Antara objektif seminar itu memberikan penerangan dan maklumat serta ancaman kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah; mendedahkan ideologi serta pemikiran pluralisme dan liberalisme; dan mencari kaedah yang berkesan bagi mengekang dan



NASIR (tengah) diringi Bungsu (kanan) bersalaman dengan sebahagian peserta Seminar Pemurnian Aqidah 2012 di Dewan Resital UMS.

mernangani perkara itu.

Seminar itu merupakan yang kedua selepas Seminar Pemurnian Aqidah: "Penjelasan Mengenai Fahaman Syiah" yang telah diadakan di salah sebuah hotel di sini pada akhir November lepas.

Nasir yang juga menteri bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam negeri Sabah berkata, demi keperluan menyebarkan ilmu dan kefahaman Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga

sebagai inisiatif memelihara Aqidah Ummah dari sebarang bentuk ancaman fahaman dan ideologi moden serta ajaran yang menyeleweng dari landasan Islam, maka seminar umpama itu sangat wajar diteruskan bagi memayungi dan menghalang fikrah ummah dari dicemari.

Beliau berkata, ini adalah kerana tanpa disedari berlaku penularan ideologi dan fahaman falsafah moden dan lama di samping gerakan mazhab dan ajaran sesat yang

sering memberi ancaman kepada aqidah umat Islam yang berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Tegasnya, perkara itu perlu diambil perhatian terutamanya dari segi penguatkuasaan dan tindakan undang-undang ke atas kumpulan yang telah diwartakan sebagai ajaran sesat, yang menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam agar ianya dapat dibanteras lebih awal.

Nasir berkata, rakyat harus bersyukur atas keprihatinan kerajaan menangani isu yang boleh mengancam dan merosakkan fahaman aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah itu.

Beliau menambah, pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuk seminar yang dianjurkan Pejabat Mufti, Jakim Cawangan Sabah dan UMS - medium yang mampu memperkasakan lagi keutuhan dan menjernihkan kefahaman ummah.

"Pelbagai pihak samada badankerajaan mahupun NGO adalah bertanggungjawab dalam menyumbang kepada keberkesanan usaha yang dilaksanakan," katanya.